



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 12, Blok E7, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 PUTRAJAYA

Tel.: 03-8000 8000

Rujukan Tuan :
Rujukan Kami : KKM.600-29/2/5 Jld.11 (87)
Tarikh : 21 Januari 2026

SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/Dato'/Dato' Indera/Datin/Tuan/Puan,

PENGUKUHAN AMALAN PENGGUNAAN ANTIBIOTIK DAN PEMATUHAN GARIS PANDUAN *NATIONAL ANTIMICROBIAL GUIDELINES (NAG) 2024* DI SEKTOR PERUBATAN SWASTA BAGI MENANGANI KERINTANGAN ANTIMIKROB (AMR)

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana YBhg. Datuk / Dato' / Dato' Indera / Datin / Tuan / Puan sedia maklum, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (World Health Organization, WHO) telah mengenal pasti kerintangan antimikrob (antimicrobial resistance, AMR) sebagai salah satu daripada sepuluh ancaman kesihatan global tertinggi yang menjejaskan pencapaian *Universal Health Coverage (UHC)* dan *Sustainable Development Goals (SDGs)* 2030.

3. Bagi menangani AMR, program *Antimicrobial Stewardship (AMS)* telah mula diperkenalkan di peringkat nasional sejak tahun 2014. Keberkesanan program AMS dipantau melalui pemantauan penggunaan antibiotik oleh Program Perkhidmatan Farmasi. Analisis terkini menunjukkan peningkatan ketara penggunaan antibiotik kumpulan WATCH, khususnya Azithromycin di fasiliti swasta pada tahun 2023. Trend ini membimbangkan kerana sasaran nasional adalah untuk mengutamakan antibiotik kumpulan ACCESS bagi mengekalkan keberkesanan antibiotik sedia ada.

4. Analisis ini telah dibentangkan semasa *Roundtable Discussion on Antimicrobial Stewardship Policy Dialogue* yang telah dihadiri oleh wakil Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta (CKAPS), pengamal perubatan swasta serta wakil persatuan profesional seperti *Malaysian Medical Association (MMA)*, *Academy of Family Physicians of Malaysia (AFPM)*, Pertubuhan Doktor-Doktor Islam Malaysia (PERDIM) dan *Malaysian Family Medicine Specialists Association (FMSA)*. Ringkasan eksekutif analisis ini adalah seperti di **LAMPIRAN 1**.

5. Selaras dengan keputusan mesyuarat tersebut, pihak Kementerian menggesa semua pengamal perubatan swasta untuk:

- i. **MERUJUK NATIONAL ANTIMICROBIAL GUIDELINES (NAG) 2024:** Gunakan dokumen *Primary Care Clinical Pathways* yang terkandung di dalam NAG sebagai rujukan utama rawatan. Pautan muat turun NAG: pharmacy.moh.gov.my/nag.
- ii. **MENYEMAK PRESKRIPSI:** Mengurangkan penggunaan antibiotik bagi jangkitan virus dan elakkan penggunaan antibiotik dalam kumpulan WATCH jika antibiotik kumpulan ACCESS memadai untuk merawat penyakit.
- iii. **MEMASTIKAN SASARAN NASIONAL TERCAPAI:** Memastikan sekurang-kurangnya 70% preskripsi adalah daripada kumpulan ACCESS menjelang 2030, seperti yang dipersetujui semasa *United Nations General Assembly (UNGA) High-Level Meeting on AMR* pada September 2024.

6. Kementerian Kesihatan Malaysia amat menghargai peranan penting yang dimainkan oleh semua pengamal perubatan swasta dalam memastikan penggunaan antibiotik secara berhemah. Kerjasama dan komitmen berterusan YBhg. Datuk / Dato' / Dato' Indera / Datin / Tuan / Puan dalam menangani ancaman AMR amatlah dihargai demi menjamin keselamatan pesakit dan kelestarian sistem kesihatan negara untuk generasi akan datang.

Sekian, terima kasih.

'MALAYSIA MADANI'

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK DR. MAHATHAR BIN ABD WAHAB)

s.k

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perkhidmatan Farmasi)

Semua Pengarah Kesihatan Negeri

SENARAI EDARAN

En. Wan Mohd Hazwan bin Wan Mohd Najib
Chief Executive Officer
ProtectHealth Corporation Sdn. Bhd.

YBhg. Datuk Dr. Kuljit Singh
President
Association of Private Hospitals of Malaysia (APHM)

Assoc. Prof. Dr. Hazian binti Hamzah
President
Academy of Family Physicians of Malaysia

YBhg. Datuk Dr Thirunavukarasu A/L Rajoo
President
Malaysian Medical Association (MMA)

YBrs. Dr. Shanmuganathan Ganeson
President
Federation of Private Medical Practitioners Associations Malaysia (FPMPAM)

YBrs. Dr. Boi Saidi bin Abd Razak
Presiden
Pertubuhan Doktor-Doktor Islam Malaysia (PERDIM)

YBrs. Dr. Nor Hazlin binti Talib
President
Malaysian Family Medicine Specialists Association (FMSA)